

Headline	Penjenayah rimba digempur		
MediaTitle	Berita Harian (Sabah)		
Date	21 May 2016	Color	Black/white
Section	News	Circulation	41,000
Page No	12	Readership	123,000
Language	Malay	ArticleSize	79 cm ²
Journalist	Kandau Sidi	AdValue	RM 243
Frequency	Daily	PR Value	RM 729



Penjenayah rimba digempur

• JHS perhebat usaha pantau, risikan kesan kegiatan curi balak

Oleh Kandau Sidi
kandau@bh.com.my

► Miri

Jabatan Hutan Sarawak (JHS) memperhebatkan pemantauan dan risikan untuk mengesan serta melumpuhkan kegiatan mencuri balak di negeri ini, hasil kejayaan operasi yang dilaksanakan setakat ini.

Pemangku Timbalan Pengarah Bahagian Pengukuasaan dan Perlindungannya, Jack Liam, berkata dengan usaha berterusan pihaknya dan bantuan orang ramai, kegiatan pembalakan haram di negeri ini mampu dibantah dengan lebih berkesan.

"Dalam operasi sejak Januari

lalu, kami berjaya merampas 2,193 kayu balak, 1,581 batang kayu bergergaji dan 508 batang kayu bakau," katanya selepas perasmian Bengkel Pembangunan Hala Tuju Nasional Mengenai Perhutanan Sosial di Sarawak yang disempurnakan oleh Pengarah JHS, Sapuan Ahmad di sini, semalam.

Bengkel dianjurkan JHS dengan kerjasama Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM) dan Southeast Asian Regional Centre of Graduate Study and Research in Agriculture (SEARCA).

Pelan tindakan sosial

Seramai 60 peserta dari pelbagai agensi kerajaan dan swasta, pertubuhan bukan kerajaan (NGO) serta syarikat pembalakan hadir pada bengkel tiga hari itu yang diadakan bagi merangku Pelan Tindakan Perhutanan Sosial di Sarawak.

Jack berkata, JHS kini menyiapkan kertas siasatan membabitkan 36 kes yang dikesan mengikut Ordinan Hutan dan seramai 51 suspek sudah diambil keterangan.

"Dalam operasi sepanjang Januari hingga 20 Mei, JHS turut merampas sebuah kapal serta sebuah kren, lapan lori, selain empat traktor dan jentolak," katanya.

Fakta nombor

6,273 BALAK

dirampas dalam tempoh Januari hingga 20 Mei

RM276,835

nilai balak yang dirampas